

Qalam

KDN 4244

Muharam 1389

April 1969

Bilangan 222

Harga 60 sen.

Taklik: Baharu Nikah

Sudah Hendak Bercerai

Di dalam pertadbiran nikah kahwin di seluruh Malaysia nampaknya masalah taklik seakan-akan menjadi perkara yang wajib dilafazkan oleh seseorang lelaki yang berkahwin dengan seorang perempuan menerusi qadi-qadi pejabat agama.

Lafaz-lafaz taklik masing-masing negeri itu tidak sama, tetapi ikatan kata dibuat sama ada lelaki atau perempuan suka atau tidak mestilah dilafazkan. Taklik ialah satu lafaz perjanjian yang mengikat seseorang suami yang kalau ia melanggarnya gugurlah cerai atau bercerailah antara suami isteri, dan boleh diadakan pula tuntutan bayaran-bayaran yang disebut, jika ada di dalam taklik yang dikuatkuasakan oleh undang-undang negeri untuk seorang suami menghukumnya.

Yang lazim, di dalam mana-mana negeri di Malaysia, jika seseorang lelaki berakad nikah kepada seorang perempuan – habis lafaz ijab dan kabul yakni sudah sah menjadi suami isteri, maka qadi menyuruh suami melafazkan kalimah “cerai” – umpamanya: “Saya Pulan Bin Pulan keluar meninggalkan isteri saya Pulanah Binti Pulanah

tiga bulan saya tidak memberi nafkah, maka tercerailah saya dengan isteri saya itu, atau jika dia (isteri) mengadu kepada qadi dan sabit kesalahannya tercerailah ia dengan satu talak.” Dengan ini bererti, baharu sahaja melafazkan penerimaan kahwin, maka terus pula melafazkan perkara yang sangat dibenci oleh Tuhan – Hal inilah nampaknya telah menjadi suatu perkara wajib sama ada pengantin lelaki bersetuju atau tidak dengan taklik itu, bukanlah menjadi masalah, bahkan lafaz taklik itu mungkin bertulis di surat-surat nikah itu sendiri.

Menurut pandangan kita ini ialah satu perkara aib yang sebenarnya patut dijauhi dan ditolak. Kalau seseorang suami mahu berkahwin bakal bermain-main, apalah ertinya perkahwinan itu, tetapi mereka menerima tanggungjawab dan tanggungjawab itu tentu seterusnya berjalan. Sekiranya seorang lelaki meninggalkan isterinya dengan tidak ada nafkah, maka si isteri berhak pergi ke rumah qadi dan menuntut nafkah serta menuntut minta dipisahkan dengan tidak payah di dalam perkahwinannya ada taklik lagi, sebab undang-undang dalam hal ini telah ada.

Sekiranya lafaz taklik itu diadakan juga, maka bererti kehendak dan tujuan perkahwinan yang dibuat oleh agama akan hilang dan berkat perkahwinan itu akan hapus kerana sebab musabab telah menunggu, jika dilanggar, suka atau tidak suka, mestilah terjadi perceraian, pada hal perceraian ialah perkara yang sangat dibenci dalam Islam.

sepatutnya tiap-tiap jurunika itu hendaklah bertanya lebih dahulu, adakah perkahwinan itu bertaklik atau tidak – setelah itu baharulah ia menjalankan tugasnya, tidak seperti sekarang, terus-menerus sahaja taklik itu dijalankan dengan tidak bertanya lagi.

* * *

Persidangan Islam Se-Malaysia

Kerajaan Malaysia telah menganjurkan satu “Persidangan Islam Se-Malaysia” yang diwakili oleh pegawai-pegawai jabatan-jabatan agama semua negeri di Malaysia, dikecualikan negeri Kedah (tidak menghantarkan wakilnya), untuk merundingkan perkara-perkara mengenai masalah-masalah umat Islam dan yang bakal dapat dibawa ke “Persidangan Antara Bangsa” (Negara-negara Islam) yang akan diadakan pada bulan April ini.

Persidangan Islam ini, nampaknya adalah merupakan suatu persidangan perjawatan, kerana perwakilan negeri-negeri sahaja yang diundang menghadiri persidangan tersebut, dan hanya wakil-wakil itu sahaja yang diberikan suara mengundi – sedang masalah-masalah yang dirundingkan bukannya semata-mata berkaitan dengan jabatan-jabatan agama, tetapi ada kait-mengaitnya dengan orang ramai yang berkenaan.

Tetapi walaubagaimanapun coraknya patutlah dipuji kerana minat mengadakan persidangan itu sangat baik dan menjadi suatu pandangan yang bernilai kepada langkah-langkah memikirkan masalah-masalah agama yang terlibat dengan kepentingan umum.

Malah masalah-masalah yang bersendirian yang tidak dapat diputuskan dengan perasaan dan akal sahaja. Masalahnya adalah meliputi dan berkaitan dengan hukum yang didasarkan

Rencana Pengarang

kepada kitab Allah dan Sunnah al-Nabi (S.A.W). Kerana itu sesuatu masalah yang timbul perlulah kepada penyelidikan yang teliti dan saksama supaya dapat mereka mencari punca-puncunya yang muktamad dan baik – sebab hukumnya bukan daripada akal mereka, tetapi puncunya yang benar hendaklah dikemukakan untuk disesuaikan dengan masalah-masalah yang dibincangkan itu.

Kerana itu sesuatu persoalan hendaklah mendapat kajian yang cukup teliti, dan peserta-peserta yang bakal datang, walaubagaimana alimnya, perlu baginya menyelidik dan menyiasat dengan saksama supaya apabila kelak memutuskan sesuatu masalah ada hujah-hujah

dan keterangan-keterangannya yang konkrit yang tidak dapat diperelok-olokkan orang keputusan itu. Oleh sebab itu masalah yang dibahaskan perlu kepada masa untuk dibaca dan dikaji dengan sehalus-halusnya sebelum ia pergi menghadiri persidangan

Kita di sini tidak mahu *meradd* (memprotes atau membangkang) keputusan-keputusan yang telah diambil oleh persidangan itu, tetapi kita hanya mahu mengingatkan pihak yang bertanggungjawab, bahawa cara yang dibuat oleh sangat tidak memuaskan. Sebahagian daripada wakil-wakil yang datang ke persidangan itu, tidak melihat dan menatap keras kerja itu melainkan tatkala ia sampai ke majlis itu – hari pembukaan sidang. Bilakah masanya ia dapat membaca dan mengkajinya?

Dengan cara ini, walaupun rumusan-rumusan jaya dibuat, tetapi terasa benar kelonggaran sesuatu masalah yang diambil keputusan, sebab ahli-ahli sidang tidak dapat menghalusi segala persoalan dengan saksama. Inilah seperkara yang mendukacitakan yang kita fikir mencacatkan cita-cita yang baik itu. Mudah-mudahan di lain masa perkara-perkara mengenai agama tidaklah semudah itu dibahas, sebab ahli-ahli pembahas tidak sempat langsung mengkaji kertas-kertas kerja yang perlu mereka bahas.

Mudah-mudahan ini menjadi suatu peringatan buat masa yang akan datang supaya kertas-kertas kerja yang bakal dibahas itu dapat dihantarkan lebih dahulu kepada ahli-ahli persidangan.



Para perwakilan kaum – Melayu, Cina, India dan Serani – dalam upacara “Minggu Perpaduan” yang telah diadakan di Stadium Merdeka pada 8 haribulan Februari 1969 yang lalu.